

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

**SPW209 - Politik Perbandingan**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja.

1. Dengan menggunakan contoh-contoh yang berkaitan bagi menyokong hujah-hujah anda, bincang dan bahaskan tiga tahap perkembangan politik perbandingan di bawah ini:-
  - a) tradisional
  - b) behavioralisme
  - c) pasca behavioralisme

(100 markah)
  
2. Dengan menggunakan perspektif teori konflik, bincang dan buat suatu analisa secara bandingan antara Malaysia dan Sri Langka dalam konteks permasalahan perhubungan etnik.

(100 markah)

...2/-

3. Dari perspektif pendekatan institusi menurut Huntington, kestabilan politik banyak bergantung kepada hubungan antara “penginstitusian politik dengan penyertaan politik”. Proses penginstitusian dalam konteks ini merujuk kepada suatu keadaan di mana organisasi-organisasi mewujudkan nilai-nilai dan stabiliti yang berhubungan langsung dengan empat faktor utama iaitu keupayaan untuk penyesuaian, complexity, autonomi dan saling bergantungan. Dengan menggunakan contoh-contoh pilihan anda sendiri, bincangkan faktor-faktor ini.

(100 markah)

4. Dalam konteks teori edaran elit, Mosca menggariskan empat faktor utama edit-edit politik mengekalkan kedudukan mereka. Bincangkan faktor-faktor tersebut dengan merujuk kepada sesebuah negara pilihan anda sendiri.

(100 markah)

5. Apakah yang anda fahamkan mengenai pendekatan struktur fungsi dalam analisa politik perbandingan? Dengan menggunakan pandangan Talcott Parsons hurai dan bincangkan empat persoalan utama struktur fungsi sesebuah sistem sosial. Gunakan contoh-contoh bagi menyokong hujah-hujah anda.

(100 markah)

- 000 0 000 -